



## Lebihan GCR jadi cuti rehat pada tahun persaraan

Oleh [Saiful Haizan Hasam](#) - Januari 31, 2022  
[saiiful.haizan@bh.com.my](mailto:saiiful.haizan@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Penjawat awam yang telah mengumpul gantian cuti rehat (GCR) melebihi 160 hari boleh menggunakan lebihan itu sebagai cuti rehat pada tahun persaraan mereka.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam kenyataannya hari ini, berkata ini kerana jumlah maksimum pengumpulan GCR yang boleh dibayar ganjaran wang tunai sepanjang tempoh perkhidmatan adalah 160 hari sahaja.

"Sekiranya pegawai telah mengumpul GCR melebihi 160 hari, lebihan GCR yang terkumpul berkenaan boleh digunakan oleh pegawai sebagai cuti rehat pada tahun persaraan.

"Pemberian awal ganjaran wang tunai GCR sebanyak 80 hari hanya boleh dibuat sekali sahaja sepanjang perkhidmatan pegawai manakala baki 80 hari GCR terkumpul akan dibayar pada tahun persaraan wajib," katanya.

Kerajaan melalui Belanjawan 2022 bersetuju menaikkan jumlah hari maksimum GCR daripada 150 hari kepada 160 hari dan membenarkan pemberian awal ganjaran wang tunai GCR sebanyak 80 hari mulai Januari 2022.

Tambah kenyataan itu, penjawat awam yang telah memilih Skim Pencen mahupun Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang berhasrat memohon pemberian awal ganjaran wang tunai GCR perlu memenuhi syarat-syarat seperti tempoh perkhidmatan pegawai yang boleh dimasuk kira hendaklah tidak kurang daripada 15 tahun.

Pegawai berkenaan juga perlu mencapai umur 45 tahun dan jumlah GCR terkumpul sebelum permohonan pemberian awal ganjaran wang tunai GCR hendaklah sekurang-kurangnya 80 hari.

"Pemohon perlu bebas daripada sebarang prosiding jenayah atau tindakan tatatertib dan mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan," katanya.

JPA seterusnya memaklumkan, Ketua Jabatan hendaklah menggunakan aplikasi Sistem Pengiraan GCR yang boleh dimuat turun di portal [www.jpapencen.gov.my](http://www.jpapencen.gov.my) untuk tujuan pengiraan GCR yang tepat bagi pemberian awal ganjaran wang tunai GCR.

Ketua Jabatan juga perlu memastikan pengumpulan GCR yang dibuat sepanjang tahun perkhidmatan pegawai adalah betul dan teratur sebagaimana kehendak peraturan yang berkuat kuasa.

"Semua dokumen permohonan pemberian awal ganjaran wang tunai GCR yang telah diperakuan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan kepada Bahagian Pasca Perkhidmatan JPA.

"Surat Edaran boleh dimuat turun melalui portal JPA di <https://tinyurl.com/59en9n7v>," katanya.

Maklumat perhubungan berkaitan GCR boleh diajukan ke talian 03-8885 4686/4428/4431/4670/4427/4729 atau e-mel: [pertanyaan.gcr@jpa.gov.my](mailto:pertanyaan.gcr@jpa.gov.my).